

Isu-Isu Fiqh Semasa dalam Pengurusan Harta Pusaka Kecil di Malaysia

[A Contemporary Fiqh Issues in Small Estate Management in Malaysia]

Siti Fadhilah Ghazali (Corresponding author)

*Faculty of Muamalat and Islamic Finance, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,
fadhilahghazali@kuips.edu.my*

Naimah Abu Kasim

*Faculty of Muamalat and Islamic Finance, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,
naimah.abukasim@kuips.edu.my*

Suharne Ismail

*Faculty of Business and Science Management, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,
suharne@kuips.edu.my*

*Article
Progress:*

*Submission date:
01 Dec 2024*

*Accepted date:
20 Dec 2024*

ABSTRACT

The management of Islamic inheritance in Malaysia is not a new issue as it involves every member of society, especially when death occurs, and the distribution of assets takes place. Theoretically, the Syariah Court has exclusive jurisdiction over Islamic law in matters related to inheritance law for Muslims in Malaysia. However, in practice, the inheritance of Muslims, consisting of movable and immovable assets valued at no more than RM 2 million and without a will at the time of application, known as small estates, is managed by the Estate Distribution Division, Department of the Director General of Land and Mines (JKPTG). The main objective of this paper is to examine contemporary fiqh issues related to the claims of inheritance assets belonging to the Muslim community in Malaysia. This study employs a qualitative approach using library research, referring to various books, journals, articles, papers, e-journals, and other written materials that are relevant. Therefore, this study focuses more on the discussion of contemporary fiqh issues arising in the legislation of small estates without a will, specifically those owned by Muslims in Malaysia.

Keywords: Inheritance, faraid, small estate, asset management.

PENDAHULUAN

Harta pusaka ialah harta peninggalan si mati yang terdiri daripada harta atau segala hak yang dimilikinya semasa hidup, diagihkan kepada waris setelah kematianya. (Hani Kamariah, et.al.,

2020). Pembahagian pusaka dijelaskan secara terperinci dalam al-Quran dan Sunnah mengenai golongan waris yang berhak mendapat bahagian mengikut urutan dan bahagian yang telah ditetapkan.

Secara umumnya, pembahagian harta pusaka orang Islam di negara ini sebenarnya dibuat berlandaskan kepada Hukum Syarak, iaitu Hukum Faraid walaupun undang-undang utama yang diguna pakai ialah undang-undang Sivil. (Hasliza, et.al., 2017). Hal ini kerana undang-undang yang ada hanyalah untuk urusan pentadbiran semata-mata seperti tatacara momohon pembahagian, memproses permohonan, pembahagian bidangkuasa dan sebagainya (Akmal Hidayah & Azhani, 2014). Pada peringkat penentuan waris, kadar bahagian masing-masing dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembahagian, semuanya tertakluk kepada Hukum Syarak.

Di Malaysia, terdapat tiga institusi yang mengendalikan kes-kes pusaka yang bidang kuasa institusi tersebut adalah bergantung kepada nilai dan jenis harta yang ditinggalkan oleh si mati. Institusi ini terdiri daripada Seksyen Pembahagian Pusaka (Pejabat Pusaka Kecil), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), dan Amanah Raya Berhad (ARB) (Akmal Hidayah & Azhani, 2014). Perbezaan institusi ini tertakluk kepada bidang kuasa berdasarkan statut perundangan khasnya yang tersendiri.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu-isu fiqh semasa yang wujud berkaitan tuntutan harta pusaka kecil milik masyarakat Islam di Malaysia dan penyelesaian terhadap isu-isu fiqh tersebut yang dihadapi oleh ahli waris yang terlibat.

SOROTAN LITERATUR

Definisi Harta Pusaka

Secara umumnya, harta pusaka adalah sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta dan segala hak-hak yang menjadi miliknya semasa hidup, dan hak tersebut akan menjadi milik waris selepas kematiannya (Akmal Hidayah & Azhani, 2014). Harta yang dimaksudkan itu tidak termasuk harta yang telah diberi kepada orang lain semasa hayatnya, harta yang telah dijual oleh simati, harta yang dihibahkan atau diwasiatkan, harta wakaf dan harta yang dipegang amanah oleh simati.

Secara keseluruhannya pusaka (*estates*) boleh ditakrifkan sebagai sama ada harta tak alih atau harta alih yang ditinggalkan oleh seseorang yang kematiannya telah dibuktikan di bawah undang-undang. Harta tak alih (*immovable property*) ditakrifkan dibawah Interpretation Act 1957 sebagai tanah dan sebarang kepentingan yang diperolehi dari tanah, manakala harta alih (*movable property*) adalah terdiri daripada lain-lain harta selain dari tanah. Sebagai contoh, wang simpanan, saham, kenderaan, barang-barang kemas dan sebagainya.

Harta Pusaka Kecil

Takrif harta pusaka kecil diperuntukkan melalui seksyen 3 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 sebagai harta si mati yang terdiri harta tak alih (tanah) sahaja atau harta tak alih beserta dengan harta alih dan nilai kesemuanya tidak melebihi RM 2 juta dan tidak berwasiat mengikut Akta Wasiat 1959 pada tarikh permohonan dibuat (Hani Kamariah et.al., 2020).

Di Malaysia, pengurusan harta pusaka kecil dikendalikan oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG). Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 merupakan undang-undang utama yang diguna pakai dalam pengurusan pusaka kecil. Akta ini juga memperjelaskan prosedur pengendalian kes pusaka kecil bermula daripada permohonan pusaka, perbicaraan, pengeluaran perintah hingga tahap proses rayuan ke Mahkamah Tinggi (Shahida & Noor Rashidah, 2023).

Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)

Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) merupakan sebuah agensi Kerajaan yang mengawal selia urusan harta tanah di peringkat Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dipertanggungjawabkan kepada pengurusan harta pusaka kecil melalui Bahagian Pembahagian Pusaka.

Sejarah penubuhan Bahagian Pembahagian Pusaka dahulunya dikenali dengan nama Seksyen Pembahagian Pusaka diwujudkan pada 1 Mac 1974 bagi menjalankan tanggungjawab Persekutuan dalam pembahagian harta pusaka kecil sama ada melibatkan orang Islam dan orang bukan Islam.

Harta Pusaka Kecil ialah harta yang tertakluk dibawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] ini terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Bagi melancarkan pentadbiran harta pusaka ini, satu unit khas telah

diwujudkan, iaitu Unit Pembahagian Pusaka Kecil. Menurut Nur Fadlin & Azlin Alisa (2022) fungsi utama Unit Pembahagian Pusaka Kecil ini ialah;

- 1) Mengurus permohonan pusaka, termasuklah perbicaraan, rayuan dan mengeluarkan surat kuasa mentadbir.
- 2) Menyelaraskan bidang tugas pentadbiran harta pusaka.
- 3) Mempercepat proses penurunan hak milik.
- 4) Membantu kerajaan negeri dari segi proses pendaftaran semula hak milik tanah si mati.
- 5) Membantu kerajaan negeri dari segi mengelakkan berlakunya pemecahan tanah yang tidak terkawal.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan maklumat mengenai isu-isu fiqh semasa dalam pengurusan harta pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di Malaysia. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen yang melibatkan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan sumber sekunder, iaitu makalah jurnal, prosiding, buku, keratan akhbar, dan laman sesawang yang banyak membincangkan tentang isu-isu fiqh yang bersifat terkini yang timbul dalam proses pengendalian kes-kes pusaka kecil milik orang Islam di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Data-data yang diperoleh seterusnya akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mendapatkan natijah yang sesuai selaras dengan objektif kajian yang telah digariskan. Berdasarkan hasil analisis data, kajian ini akan menjelaskan beberapa isu-isu fiqh kontemporari yang berbangkit dalam pengurusan harta pusaka kecil di Malaysia.


ISU-ISU FIQH KONTEMPORARI DALAM PENGURUSAN HARTA PUSAKA KECIL DI MALAYSIA

Harta Sepencarian

Harta sepencarian ialah sebarang harta yang telah diperolehi bersama oleh pasangan suami isteri secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh perkahwinan berkuatkuasa (Mohamad Ali Roshidi Ahmad, 2021). Harta sepencarian termasuklah harta alih atau harta tak

alih yang dihasilkan atas perkongsian bersama dalam tempoh perkahwinan (Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Zaidi Daud, 2020).

Harta sepencarian merupakan hak eksklusif yang boleh dituntut oleh isteri mahupun suami, bukan sahaja selepas berlaku perceraian, atau ketika suami hendak berpoligami, tetapi juga selepas kematian salah seorang daripada mereka (Ahmad Akram Mahmad Robbi & Mek Wok Mahmud, 2020).



Rajah 1.0 Keadaan yang Membolehkan Tuntutan Harta Sepencarian Dibuat

Tuntutan harta sepencarian selepas kematian hendaklah dibuat sebelum pembahagian harta pusaka dan selepas ditunaikan semua perbelanjaan pengurusan jenazah serta telah melunaskan segala hutang dan wasiat si mati. Tuntutan harta sepencarian boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah oleh pasangan si mati.

Sehingga kini, peruntukan secara khusus mengenai tuntutan harta sepencarian selepas kematian tidak termaktub secara jelas dalam mana-mana Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Sebaliknya ia terkandung dalam Arahan Amalan No. 5 Tahun 2003 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang menyatakan bahawa “masa membuat tuntutan harta sepencarian dibolehkan samada semasa tuntutan perceraian atau selepas perceraian ataupun selepas kematian mana-mana pihak. Mahkamah Syariah boleh menerima mana-mana tuntutan harta sepencarian yang dibuat selepas kematian mana-mana pihak dalam tuntutan tersebut dan rujukan hendaklah dibuat kepada mana-mana kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang lebih tinggi” (Mohamad Ali Roshidi, 2021).

Secara amalannya, tuntutan harta sepencarian apabila berlaku kematian pasangan perlu melalui proses pusaka. Meskipun tiada peruntukan undang-undang khusus, namun terdapat beberapa negeri yang mengeluarkan fatwa harus membuat tuntutan tersebut selepas kematian salah seorang pasangan. Persidangan Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat

Melayu Kelantan pada 18 Ogos 2002 telah membincangkan mengenai fatwa berkaitan tuntutan harta sepencarian dan memutuskan perkara berikut:

- i. Tuntutan harta sepencarian oleh pewaris pasangan (isteri) yang telah meninggal seperti anak-anak atau pewaris lain yang menuntut dari suami, adalah boleh, sama ada tuntutan ini disebabkan perceraian atau kematian.
- ii. Jumlah tuntutan untuk hak harta ini oleh si mati atau pewarisnya adalah bergantung kepada keputusan Mahkamah Syariah.
- iii. Jumlah tuntutan untuk hak harta ini oleh simati atau pewarisnya adalah bergantung kepada keputusan Mahkamah Syariah.

Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 18 April 2005 telah memutuskan seperti berikut:

- i. Harta sepencarian selepas kematian salah satu pihak dalam perkahwinan di negeri Selangor boleh dibahagikan kepada suami atau isteri sebelum difaraidkan termasuk selepas dilepaskan tanggungan simati.
- ii. Pembahagian harta sepencarian tersebut hendaklah diberikan mengikut takat sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dari kedua-dua belah pihak.
- iii. Persetujuan pembahagian hendaklah dibuat melalui perintah mahkamah.

Keputusan berkaitan isu harta sepencarian selepas kematian pasangan ini telah diwartakan secara rasmi dan dikeluarkan berdasarkan perintah diraja, maka Mahkamah Syariah di Malaysia telah mengiktirafnya dan melaksanakannya dalam kes-kes perbicaraan di Mahkamah Syariah. (Mohamad Ali Roshidi, 2021).

Kes Perkahwinan Luar Negara yang Tidak Didaktarkan

Di Malaysia, pasangan beragama Islam yang ingin berkahwin tertakluk kepada undang-undang keluarga Islam (UUKI) negeri (Nur Hidayah & Siti Hajar, 2020). Sesuatu perkahwinan itu akan dianggap sah sekiranya pasangan tersebut mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan oleh undang-undang keluarga Islam oleh setiap negeri di Malaysia. Sebaliknya, jika perkahwinan tersebut tidak didaktarkan secara sah mengikut perundangan di Malaysia maka jaminan dan hak perlindungan tersebut tidak akan diberikan (Nasri, 2016). Perkahwinan di luar negara ini

didorong oleh faktor-faktor tertentu seperti faktor keluarga, faktor perkahwinan poligami, dan faktor kewarganegaraan. (Amir Husin & Siti Safwati, 2006).

Jadual 1: Faktor yang mendorong Perkahwinan Luar Negara

Bil	Faktor	Huraian
1	Faktor keluarga	Pasangan tersebut ingin menyembunyikan perkahwinan daripada pengetahuan keluarga masing-masing atau tidak mendapat restu wali untuk berkahwin. Oleh kerana tidak mendapat keizinan daripada keluarga, pernikahan tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna atau mengikut proses yang biasa diamalkan. Akibatnya, pasangan tersebut mengambil jalan lain iaitu bernikah di luar negara bagi menyelesaikan permasalahan mereka.
2	Faktor poligami	Seorang lelaki yang sudah berkahwin, tetapi ingin berpoligami tanpa mendapatkan persetujuan daripada isteri pertama. Oleh kerana permohonan poligami di Malaysia secara umumnya memerlukan kebenaran Mahkamah Syariah, terdapat pasangan yang mengambil jalan mudah dengan melakukan pernikahan mereka di luar negeri. Alasan yang diberikan termasuklah mendapat tentangan isteri sedia ada, tidak mahu isteri sedia ada mengetahui atau mengelak dari diketahui pihak-pihak tertentu seperti majikan, kaum keluarga atau pihak berkuasa agama tempatan.
3	Faktor kewarganegaraan	Terdapat warganegara asing yang datang berkunjung ke Malaysia ataupun warganegara Malaysia ke luar negara sama ada kerana melancong, belajar, bekerja dan menjalankan urusan perniagaan. Keadaan ini secara tidak langsung mendorong hubungan peribadi antara warganegara asing dengan penduduk tempatan. Hasil hubungan tersebut terdapat sebilangan mereka yang

		melangsungkan akad nikah di luar Malaysia tanpa kebenaran pihak berkuasa agama negeri.
--	--	--

Sumber: Amir Husin & Siti Safwati, 2006

Pernikahan di luar negara dan tidak didaftarkan ini boleh menimbulkan masalah berhubung harta pusaka kepada ahli waris. Masalah ini akan dapat dilihat apabila berlakunya kematian pasangan, maka hak ahli waris seperti suami, isteri dan anak daripada hasil perkahwinan tersebut tidak dapat menuntut harta pusaka (Intan Nadia et.al., 2011). Begitu juga dengan isteri yang dikahwini secara poligami yang telah kematian suami, meskipun sah dalam syarak tetapi ketiadaan dokumen undang-undang dari Mahkamah Syariah yang mengesahkan perkahwinan tersebut akan menyebabkan isteri hilang hak secara keseluruhannya kerana tidak didaftarkan. (Siti Aishah et.al., 2022).

Oleh itu, satu permohonan hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah bagi pengesahan nikah pasangan tersebut. Mahkamah akan memutuskan sama ada perkahwinan pasangan tersebut sah atau sebaliknya. Jika perkahwinan itu sah, maka pasangan tersebut berhak ke atas harta pusaka si mati. Sekiranya perkahwinan itu tidak sah, maka hak pasangan akan hilang ke atas harta pusaka tersebut (Nasri, 2016).

Anak Tidak Sah Taraf

Dalam institusi kekeluargaan, seorang anak merupakan pewaris kepada harta ibu bapa mereka setelah mereka meninggal dunia. Hal ini adalah kerana mereka merupakan penyambung generasi seterusnya dan berikutnya. Namun begitu, situasi berbeza bagi anak luar nikah sama ada golongan ini boleh mewarisi harta ibu bapa mereka kerana tidak mempunyai pertalian kekeluargaan yang tidak sah (Muhammad Nawwar & Ahmad Bazli, 2020).

Anak tidak sah taraf atau anak luar nikah ialah anak yang lahir atau terbentuk sebelum diadakan perkahwinan yang sah (Hamizah et.al., 2021). Ia dilihat dari tempoh minimum kelahiran anak tersebut selepas perkahwinan atau tempoh minimum kelahiran anak itu selepas penceraian, baik bercerai hidup atau bercerai mati.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam mempunyai peruntukan khusus bagi menentukan taraf seseorang anak sama ada sah nasab keturumannya atau sebaliknya (Nasri, 2016). Peruntukan ini boleh didapati melalui seksyen 2 Enakmen Undang -undang Keluarga Islam negeri-negeri yang mentakrifkan anak tidak sah taraf sebagai anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah (Hamizah et.al., 2021). Menurut

enakmen ini, seseorang anak yang lahir kurang daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinan pasangan tersebut tau lebih dari empat tahun qamariah selepas perkahwinan dibubarkan, maka anak tersebut merupakan anak yang tidak sah taraf kepada pasangan tersebut.

Namun merujuk kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bermuzakarah pada 10 Jun 2003, definisikan anak tak sah taraf diperincikan sebagai berikut:

- 1) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhab atau bukan anak perhambaan.
- 2) Anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dua lahzah (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin (persetubuhan).

Anak tidak sah taraf ini tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka milik bapa biologinya (Lukman et.al., 2021). Namun begitu, anak tidak sah taraf hanya berhak mewarisi harta pusaka daripada sebelah ibunya sahaja.

Penamaan

Amalan penamaan atau melantik penama ke atas sesuatu harta yang disimpan dan dilaburkan di institusi-institusi kewangan adalah diterima pakai dan sah diamalkan di Malaysia berdasarkan pada undang-undang meliputi penamaan ke atas harta sama ada orang-orang Islam dan bukan Islam (Md. Yazid & Ibnor Azli, 2002). Penama merupakan orang yang diberi kuasa untuk mengeluarkan wang si mati tanpa perlu melalui proses pembahagian harta pusaka. Proses penamaan itu berlaku apabila seseorang yang mempunyai simpanan, mencarum dalam institusi atau mengambil polisi insurans. (Akmal Hidayah & Azhani, 2014). Orang yang dilantik sebagai penama tidak mempunyai apa-apa hak atau kuasa terhadap harta selagi orang yang menamakan itu masih hidup. (Abd Kadir, 1997).

Di Malaysia, terdapat beberapa agensi yang melaksanakan sistem penamaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Hajji, agensi takaful dan sebagainya. Tujuan penamaan ini adalah bagi memudahkan urusan pengeluaran wang apabila berlaku kematian pencarum atau pemilik akaun tersebut.

Namun begitu, wang milik si mati bukanlah milik penama yang dilantik. Hal ini kerana penama hanyalah wasi atau wakil pentadbir sahaja. Wang tersebut perlu dibahagikan kepada

waris-waris simati yang berhak mengikut pembahagian faraid. Hal ini disebabkan oleh penama tidak mempunyai hak secara mutlak terhadap wang yang diterimanya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa wujud pelbagai isu fiqh kontemporari dalam pengurusan harta pusaka kecil milik masyarakat Islam yang dikendalikan oleh Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil di bawah Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Kebanyakan isu fiqh yang mengenai harta pusaka milik orang Islam seperti harta sepencarian, kes perkahwinan luar negara yang tidak didaftarkan, dan kesahtarafan anak akan dirujuk dan dikendalikan oleh Mahkamah Syariah. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat Islam untuk cakna akan isu-isu yang timbul dalam pengurusan harta pusaka dan institusi yang terlibat. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan kekeliruan oleh ahli waris, yang mana ia akan menyebabkan kesulitan bagi menyelesaikan kes pusaka tersebut.

Melalui hasil dapatan kajian ini dapat menyumbang dan memberi sumbangan kepada institusi-institusi perundangan dalam mengenalpasti isu-isu fiqh dalam pengendalian kes harta pusaka kecil di Malaysia dan merangka strategi untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan bahawa isu-isu fiqh ini lazimnya dirujuk di Mahkamah Syariah di Malaysia. Hasil dapatan juga menyumbangkan ilmu pengetahuan dalam bidang harta pusaka Islam dan ia dapat dirujuk oleh penyelidik-penyelidik akan datang. Dicadangkan kepada penyelidik untuk melaksanakan kajian yang tidak terhad kepada kes pusaka kecil sahaja, tetapi menumpukan juga kepada isu-isu fiqh yang berbangkit dalam pengendalian kes pusaka besar di Mahkamah Sivil dan kes pusaka ringkas di Amanahraya Berhad kerana kedua-dua institusi ini memainkan peranan yang signifikan terhadap pengurusan harta pusaka di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab Samad, S., & Ramli, N. (2023). Pemerkasaan Pengurusan Pembahagian Harta Pusaka Kecil Pasca Pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (pindaan) 2022. *Jurnal LAND*, 11(1), 43-56. Diambil daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/land/article/view/22992>
- Abdullah, M. M., Awang, A. B. B., & Nor Muhamad, N. H. (2020). The Mechanism of Wisayah In Estate Planning: A Literature Review: Mekanisme Wisayah Dalam Perancangan Harta Pusaka: Sorotan Literatur. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 20(1), 21-34. Diambil daripada <https://al-qanatir.com/aq/article/view/279>
- Abu, J., Hamid, F., Abdullah, N., Md. Yunus, N., & Zainudin, A. Z. (2022). Cabaran Isu Tanah Pusaka Terbiar Dan Potensi Penyelesaian. *Sains Humanika*, 14(3), 49-55. <https://doi.org/10.11113/sh.v14n3.1954>
- Ahmad, M. A. R. (2021). Permasalahan Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Pembahagian Harta Pusaka. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(2), 118-131. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol24no2.352>
- Ahmad, M. Y., & Ibrahim, I. A. (2002). Amalan penamaan harta orang Islam di Malaysia: Satu tinjauan ringkas menurut syariah Islamiyah. *Jurnal Pengajian Umum Bil*, 3(6), 64-79. Diambil daripada <https://www.academia.edu/download/89703015/11490828.pdf>
- Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Hussin, M. N. M. (2022). Sorotan Literatur Terhadap Polemik Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2), 273-298. Diambil daripada <http://oje.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/40861>.
- Halim, A. H., & Arshad, A. (2014). Penentuan harta pusaka di Malaysia: Kajian dari perspektif undang-undang Sivil dan Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 26(2), 153-172. Diambil daripada <https://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/view/7959>
- Karim, N. H. A., & Rauf, S. H. A. (2020). Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Analisis Kes di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 101-112. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.447>

Khan, I. N. G., Yusof, N., Rahman, A., Hashim, H., & Shukor, H. A. (2011). Fenomena Nikah Sindiket: Satu Huraian Awal. *Diskusi Syariah Dan Undang-Undang Siri 5*, 22-41. Diambil daripada <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/15578>

Mahmad Robbi, A. A., & Mahmud, M. W.. (2020). Maqāṣid Al-‘Adl (Keadilan) Dalam Isu Tuntutan Harta Sepencarian di Malaysia. *Journal of Islam in Asia*, 17(3), 291-320. <https://doi.org/10.31436/jia.v17i3.986>

Mat Hussin, M. N & Abdullah, R. (2006). Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Syariah Law Research* 1(1): 75-88. <https://doi.org/10.22452/http://doi.org/10.22452/JSLR.vol1no1.4>

Mat Hussin, M. N., & Daud, M. Z. (2020). Sejarah dan Perkembangan Amalan Pembahagian Harta Sepencarian dalam Masyarakat Islam di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 15(2), 95-113. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol15no2.8>

Muhammad, A. K. (1997). Harta Penama Bukan Harta Pemberian dan Wasiat. *Jurnal Syariah*, 5(2), 161-166. Diambil daripada <http://borneojournal.um.edu.my/index.php/JS/article/download/22974/11489>

Muhammad, H., Mohd Arif, M. I. A., Ismail, C. Z., Mohd Noor, N. A., Yahaya, S., & Engku Ali, E. M. T. (2021). Pandangan Masyarakat dan Status Perundangan Terhadap Anak Tidak Sah Taraf. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 2, 1-13. Diambil daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/54430>

Mutalib, L. A., Ismail, W. A. F. W., Baharuddin, S., Hashim, H., Mamat, Z., & Yusof, N. (2021). Pengesahan Taraf Anak Mengikut Amalan Di Mahkamah Syariah Di Malaysia Dan Hubungannya Dengan Pandangan Mazhab Fikah Muktabar. *Proceeding of International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT)*. 783-802. Diambil daripada <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/14421>

Naiimi, N. (2016). *Pengurusan Pusaka Islam, Wasiat dan Hibah di Malaysia: Isu dan Aplikasi* UUM Press.

Nasrullah, M. N., & Hilmi, A. B. A. (2021). Undang-Undang Kehakiman di Malaysia dan Luar Negara: Analisis Kedudukan Anak Luar Nikah. *Proceedings of the Insan Junior Researchers International Conference (iJURECON)*. 268-270. Diambil daripada <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/7628>

- Roslan, N. F., & Ahmad, A. A. (2022). Pentadbiran Harta Pusaka dan Implikasi Negatif Harta Tidak Dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001453. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1453>
- Wan Harun, W.A.H. (2006). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Dewan Bahasa dan Pustaka.